

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : Lisan

**DARIPADA** : Dr. Azman bin Ismail [ Kuala Kedah ]

**TARIKH** : 23 Mei 2016 [ ISNIN ]

**SOALAN** : Dr. Azman bin Ismail [ Kuala Kedah ] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan perkembangan pelaksanaan Akta Kebajikan Haiwan setakat ini. Berapa ramaikah Pegawai Kebajikan Haiwan yang telah dilantik.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Pewartaan Akta Kebajikan Haiwan 2015 telah dilaksanakan pada 29 Disember 2015. Walau bagaimanapun, Akta ini masih belum dikuatkuasakan memandangkan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) perlu mengadakan rundingan bersama Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri bagi maksud pewujudan dan penguatkuasaan Peraturan-peraturan yang terlibat di bawah Akta Kebajikan Haiwan 2015. Ianya adalah sebagai memenuhi tuntutan Perkara 79, Perlembagaan Persekutuan di mana antara lainnya mengkehendaki supaya diadakan sesi perundingan dengan pihak berkuasa Kerajaan Negeri bagi perkara-perkara yang berada di dalam Senarai Bersama Perlembagaan Persekutuan.

Akta ini dijangka akan dikuatkuasakan pada tahun 2017. Kementerian melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) kini sedang giat membuat persiapan yang perlu bagi Yang Berhormat Menteri MOA menetapkan danewartakan tarikh Akta dikuatkuasakan. Pegawai Kebajikan Haiwan hanya boleh dilantik selepas Akta ini dikuatkuasakan.